



Tutup



SinarHarian



SinarOnline



SinarHarian



sinarharian



Sinar Harien



sinarharianonline



Sinar Harien

>> KHAS > COVID-19 > Individu lengkap vaksin Covid-19 di luar negara perlu sijil digital

Official

Individu lengkap vaksin Covid-19 di luar negara perlu sijil digital

|| 05 September 2021

181





Dr Adham Baba

A⁻ A⁺

JOHOR BAHRU - **[DIKEMAS KINI]** Individu yang telah lengkap menerima vaksin Covid-19 di luar negara perlu hadir ke Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) terdekat untuk tujuan pengesahan dan mengemas kini bagi mendapatkan sijil digital vaksinasi menerusi aplikasi MySejahtera.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, individu tersebut perlu membawa dokumen atau sijil sebagai bukti telah menerima suntikan vaksin di luar negara bagi tujuan penilaian ketulenan serta mengetahui jenis vaksin yang diterima.



“Selepas disahkan PKD, prosesnya ialah Jabatan Kesihatan Negeri akan hantar (maklumat dan data) ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Negara (CPRC) di Putrajaya dan pusat itu akan memaklumkan kepada MySejahtera untuk mengemas kini dan mengeluarkan sijil digital dalam aplikasi telefon.

“Tidak kira warganegara atau warga asing, yang penting kita nak mengesahkan sama ada ia tulen atau tidak (sijil) vaksinasi yang diberikan di luar negara dan (mengetahui) jenis vaksin (diterima),” katanya kepada pemberita selepas melawat pusat pemberian vaksin (PPV) Program Imunisasi Industri Covid-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) Pusat Konvensyen Antarabangsa Austin (AICC), di sini pada Ahad.

Beliau berkata, bagi individu yang telah mendapat vaksin Covid-19 di luar negara dan perlu masuk ke negara ini bagi tujuan pembukaan sektor ekonomi, sijil vaksinasi akan disemak dan disahkan oleh petugas kesihatan di pintu masuk antarabangsa negara.

Mengulas mengenai Pulau Langkawi yang siap sedia menerima pelancong mulai 16 September ini, Dr Adham berkata, petugas kesihatan juga akan ditempatkan di laluan pintu masuk ke pusat peranginan itu bagi memudahkan urusan mengesan pelancong yang telah lengkap vaksin Covid-19.

“Selain itu, kita juga akan memaklumkan kepada mereka mengenai kaedah atau prosedur operasi standard (SOP) tertentu yang perlu mereka patuhi,” kata Dr Adham yang juga Pengerusi bersama Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF).

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, CITF diminta menambah tujuh lagi PPV bergerak di Johor, berbanding 13 unit sedia ada ketika ini bagi menyegerakan proses vaksinasi sebelum Johor berdepan musim tengkujuh. - Bernama



Disyorkan artikel ini:

- Nikmat lengkap suntikan vaksin
- Langkah proaktif tangani keresahan rakyat
- Selesai isu sijil digital vaksinasi: MCA

Paling Terkini: Menanti khabar YB Khairy, sabarlah orang bujang! ✕


Covid-19 luar negara sijil digital vaksinasi

Artikel ini ialah © 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karang kraf. Sebarang salinan tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan undang-undang

Apakah reaksi anda? 1 vote



Gembira




Biasa Jer




Terhibur



Teruja



Marah



Sedih

Artikel Berkaitan





BERITA

Suami isteri lengkap vaksin dibenar merentas jumpa pasangan, anak

by



BISNES

AirAsia sedia kembali terbang dibarisi staf lengkap vaksin

by



KHAS

Kemudahan individu vaksin lengkap, Sarawak tunggu persetujuan JPBN

by



KHAS

Lengkap vaksin: Jangan terlalu leka, varian Delta masih ganas

by



KHAS

Hanya empat kes
kematian melibatkan
individu lengkap
vaksinasi

by TUAN BUQHAIKRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN



KHAS
Pastikan hanya
individu lengkap
vaksin dibenar masuk
premis: KPDNHEP

by ADRIANA NABILLA
MOHD ANUAR

TERKINI | POPULAR

- 1 Kenangan terindah Paralimpik Tokyo 2020
- 2 Pemancing tangkap ikan bertaring di AS
- 3 Selangor FC belash Sabah FC di Likas
- 4 Norza mampu bantu takraw dipertandingkan di Olimpik
- 5 Nasihat M Karathu



Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

Faedah semula jadi untuk mengatasi masalah prostat

Ittraprost | Sponsored

Hilangkan segala kesakitan di seluruh badan tanpa sebarang rawatan!

ERITA & SAINS MALAYSIA | Sponsored

Wargaduduk Malaysia yang lahir di antara tahun 1941-81 boleh mendapat faedah ini pada tahun 2021

